

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# 25 kubu PAS ditembusi oleh UMNO Kubang Pasu

ALOR STAR, Sabtu —  
UMNO Cawangan  
Kubang Pasu berjaya  
menembusi 25 kubu PAS  
yang dianggap kebal da-  
lam pilihanraya umum  
lalu, kata setiausahanya,  
Ustaz Abu Bakar bin  
Husin.

Menurutnya, cawa-  
ngan baru UMNO  
ditubuhkan di kubu-kubu  
PAS itu adalah dari per-  
mintaan bekas ahli PAS  
sendiri.

Cawangan itu men-  
dapat 3,000 undi PAS di  
pilihanraya umum ber-  
kenaan.

Ahli UMNO kini bukan  
saja berikrar menyokong  
Barisan Nasional, tetapi  
akan memberi sepenuh  
tenaga memperjuangkan  
matlamat dan kepent-  
ingan parti.

"Mereka berpaling  
menyokong UMNO kera-  
na apa yang diura-  
urakan PAS hanya dapat  
dipenuhi oleh kerajaan  
memerintah Barisan Na-  
sional sejak merdeka  
lagi.

"Kesedaran itu  
sepatutnya telah lama  
timbul di kalangan  
mereka," katanya.

Mereka, menurutnya,  
insaf tiada ertinya mem-  
beri sokongan kepada  
parti yang tidak boleh  
berkuasa dan  
pengorbanan mereka  
selama ini ternyata sia-  
sia.

Perdana Menteri, Da-  
tuk Seri Dr. Mahathir-  
Mohamad, dianggap  
bapa perjuangan Islam  
kerana, baru-baru ini  
berjaya menubuhkan  
Universiti Islam yang  
akan dilaksanakan tahun  
depan.

Kejayaan itu adalah  
dialu-alukan oleh seluruh  
umat Islam, terutama  
badan-badan Islam term-  
asuk PAS sendiri.

Berdasarkan  
sokongan itu, menu-  
rutnya, harapan  
memenangi kerusi  
parlimen Kawasan  
Kubang Pasu yang  
diwakili oleh Dr.  
Mahathir itu adalah ce-  
rah.

Dalam pilihanraya  
lalu, Dr. Mahathir ber-  
jaya mengalahkan calon  
PAS, Encik Halim Ar-  
shad, dengan kelebihan  
undi 8,245 undi.

UMNO Bahagian  
Kubang Pasu kini mem-  
punyai 125 cawangan  
dengan 15,000 ahli.

95 cawangan yang  
telah mengadakan me-  
syuaratnya baru-baru  
ini, mencalonkan Datuk  
Sri Dr Mahathir sebagai  
ketua UMNO di situ. 30  
cawangan lagi dijangka  
akan turut berbuat dem-  
ikian.

No. Siri  
No. Pene